

13/06/1999

Masa terbaik melabur dalam saham amanah

Kadir Dikoh

"SAYA mula melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN) sejak hari kedua amanah saham ini dilancarkan pada 1981 dengan pelaburan awal RM10. Sejak itu saya sudah melabur sebanyak 249 kali dalam ASN dan Amanah Saham Bumiputera (ASB). Hasilnya, saya berjaya menunaikan haji sebanyak enam kali, umrah lima kali," kata Hamid Mohamed Noh, 65, dari Kuala Kubu Baru, Selangor.

Malah, dengan pemberian dividen dan bonus setiap tahun sehingga mendorongnya untuk terus menyimpan wang pendapatannya yang kecil ke dalam ASN dan kemudian ASB, Hamid yang bertugas sebagai pelayan asrama turut berkongsi dengan adiknya membuka sebuah stesen minyak di Serendah, Selangor hasil pelaburan itu.

Itulah kejayaan Pak Cik Hamid seperti diceritakannya selepas menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis pelancaran Minggu Pelaburan Bersama Permodalan Nasional Bhd (PNB) di ibu negara Rabu lalu. Dia memenangi kategori pelbagai kaum bagi Anugerah Pelabur Bijaksana 1999. Turut menerima penghargaan itu ialah penyanyi popular Siti Nurhaliza Taruddin sebagai pelabur contoh kategori penghibur.

Hakikatnya, ramai lagi orang seperti pak cik Hamid, dengan sekurang-kurangnya sekali menunaikan fardu haji hasil pelaburan dalam ASN dan ASB termasuk golongan petani dan nelayan selain tidak kurang juga yang berjaya membuka restoran serta pelbagai perniagaan lain. Lebih membanggakan, rezeki halal yang dilabur itu, membolehkan petani dan nelayan membiayai pendidikan anak sehingga ke pusat pengajian tinggi.

Malah, pelaburan dalam amanah saham menyemai minat melabur dan berjimat cermat. Dengan meraih pulangan dalam bentuk bonus dan dividen, pelabur akan mendapat keuntungan. Katakan anda melabur 100 unit (bernilai RM100) dalam ASN pada 1982, kini ia sudah berkembang sehingga bernilai RM1,449.

Jika Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui penswastan menyebabkan tercetusnya sebilangan Bumiputera kaya raya, maka kewujudan PNB yang memperkenalkan amanah saham seperti ASN dan ASB itu turut melahirkan petani dan nelayan menikmati kesenangan hidup.

Nescaya DEB dan alat terpentingnya iaitu PNB adalah cara kerajaan mengadakan keadilan sosial dan juga jaringan keselamatan sosial untuk negara kita. Kejayaan PNB tidak dapat dinafikan oleh sesiapa.

Jika tidak kerana PNB tidak mungkin Bumiputera mengumpul modal lebih RM40 bilion dan menggunakan modal ini secara berkesan dalam pasaran saham serta perniagaan lain. Lantas ia turut mencetus minat orang ramai untuk melabur dalam pasaran saham terutama saham amanah.

"Dengan kumpulan wang ini, PNB melaburkannya menerusi pembelian ekuiti dalam syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), khususnya syarikat yang menunjukkan keuntungan, yang mempunyai pengurusan cekap dan masa depan baik," kata Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di majlis pelancaran Minggu Pelaburan Bersama PNB itu yang berakhir hari ini (Ahad).

Sehingga kini, PNB sudah berjaya mempunyai portfolio pelaburan jangka panjang dalam 21 anak syarikat dan 60 syarikat sekutu selain 232 syarikat pelaburan lain. Dengan kemasukan PNB sebagai syarikat pelaburan dan pengurus dana amanah terbesar tempatan ke pasaran saham, ia kerap kali bukan sahaja menyediakan mudah tunai malah membantu melonjak indeks komposit. Portfolio pelaburan PNB meliputi kira-kira 300 syarikat

tersenarai di BSKL.

Dengan itu juga, PNB memainkan peranan amat penting ke arah pemulihan ekonomi negara dan meningkat penyertaan Bumiputera dalam kekayaan korporat di samping membasmi kemiskinan dengan meningkat taraf hidup rakyat. Kesan limpahan daripada peningkatan kekayaan ini, menyumbang kepada kepesatan ekonomi negara secara umum.

Golongan Bumiputera mendapat manfaat yang besar dengan melabur dalam ASN dan ASB. Begitu juga dengan kaum bukan Bumiputera yang turut menikmati hasil kejayaan PNB menerusi pelaburan mereka dalam skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020). Satu lagi amanah saham diperkenalkan PNB ialah Amanah Harta Tanah PNB (AHP).

Melalui empat saham amanah ini, PNB berjaya mendapat pelaburan daripada 6,669,265 orang Bumiputera. Seramai 492,590 bukan Bumiputera atau 18.44 peratus daripada 2,670,510 orang yang layak melabur sudah membuat pelaburan dalam skim ASW 2020 manakala 9,645 atau 0.24 peratus daripada 4,017,802 bukan Bumiputera yang layak melabur, berbuat demikian dalam Amanah Harta Tanah PNB.

Pulangan dividen dan bonus yang diberikan oleh PNB kepada pelabur dana saham amanahnya itu pada setiap tahun adalah menarik. Purata dividen yang diberikan oleh PNB (1981-1998) adalah kira-kira 13 peratus manakala purata pulangan di pasaran terbuka dan simpanan tetap dalam tempoh sama adalah kira-kira lapan peratus.

Manfaat daripada pulangan dividen dan bonus daripada PNB ini terus dinikmati oleh golongan termiskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin Skim ASB (PPRT-ASB). Sehingga 30 April lalu, 156,397 orang daripada golongan termiskin terbabit mengikut program PPRT-ASB ini dengan peruntukan RM782 juta.

ASN adalah saham amanah pertama dilancarkan oleh PNB pada 1981. ASN ditukar daripada saham amanah harga tetap kepada saham amanah harga berubah-ubah pada 1 Januari 1991 mengikut ketetapan surat ikatan amanah. Sehingga 30 April lalu, 1.3 juta pemegang unit menyertai ASN dengan jumlah pelaburan 2.4 bilion. Tahun lalu, PNB mengisytiharkan dividen 6.5 peratus untuk pelabur ASN berbanding 10.5 peratus pada 1997.

Selepas penukaran taraf ASN kepada harga berubah-ubah, ASB diwujudkan pada 1990 untuk membolehkan pelabur mempunyai pilihan melabur dalam dua produk. Bagi yang 'takut' membuat pelaburan di pasaran turun naik dalam ASN, mereka boleh mengekal atau membuat pelaburan dalam ASB yang berharga tetap. Sehingga 30 April lalu, melalui ASB, jumlah nilai pelaburan RM25.7 bilion digembleng daripada 5.01 juta pemegang unit. Dividen untuk ASB tahun lalu adalah lapan peratus di samping 2.5 peratus unit percuma berbanding 10.25 peratus dividen pada 1997 dengan 1.25 peratus unit percuma.

ASW 2020 pula adalah saham amanah pertama diperkenalkan oleh PNB untuk semua rakyat Malaysia berumur 12 hingga 29 tahun. Skim ini mendapat sambutan menggalakkan daripada bukan Bumiputera. Sehingga 30 April lalu, 840,000 pemegang unit sudah membeli 1.8 bilion unit daripada 3 bilion unit yang ditawarkan.

Daripada jumlah ini, 167,328 pemegang unit atau 19.76 peratus adalah berumur 12 hingga 18 tahun yang melabur dalam akaun remaja. Pelabur bukan Bumiputera memegang 1.46 bilion unit atau 99.90 peratus daripada jumlah unit yang ditawarkan untuk bukan Bumiputera. Dividen untuk pemegang unit ASW 2020 tahun lalu adalah 9.8 peratus berbanding 10.1 peratus pada 1997.

Sementara itu, AHP adalah saham amanah hartanah yang diuruskan oleh anak syarikat PNB - Pelaburan Hartanah Nasional Bhd Aset. Hartanah yang berdaya maju, bakal memberikan pulangan berpatutan dan kenaikan modal dikenal pasti sebagai entiti dimasukkan dalam portfolio hartanah saham ini. Sehingga 30 April lalu, AHP sudah melabur dalam 11 hartanah dalam pelbagai

saiz dan lokasi. Dividen AHP tahun lalu adalah enam peratus daripada tujuh peratus pada 1997.

Namun, dividen yang rendah pada tahun lalu berbanding tahun sebelumnya bagi semua empat dana amanah itu adalah berikutan keadaan ekonomi semasa yang kurang menggalakkan tetapi kadarnya tetap menarik berbanding dana saham amanah lain di pasaran.

Berikutan kemantapan dan kejayaan PNB itu, kata Dr Mahathir, meyakinkan kerajaan untuk meluluskan cadangan PNB untuk menawarkan satu lagi produk baru iaitu Amanah Saham Nasional Kedua (ASN2) yang dilancarkannya sempena Minggu Pelaburan Bersama PNB itu Rabu lalu.

ASN2 yang mula ditawarkan Khamis lalu, dibuka kepada semua Bumiputera yang berumur 18 tahun ke atas dengan saiz dana berjumlah 2.5 bilion.

"Saya harap mereka yang layak akan mengambil peluang melabur dalam ASN2 ini. PNB juga sedang meneliti dan mengkaji produk baru yang lain bagi memenuhi keperluan pasaran dan yang akan memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia," katanya.

Ekonomi negara mula pulih. Harga saham dan saham amanah kini mula meningkat. Inilah masa terbaik untuk melabur dengan pelabur jangka panjang boleh memanfaatkan harga rendah ketika ini dan seterusnya menikmati keuntungan pelaburan apabila harga saham serta saham amanah mula pulih dan kukuh.

(END)